

06 MAR 2002

Mahathir-Wawasan/I

DR MAHATHIR MAHU GENERASI MUDA BANTU CAPAI WAWASAN 2020

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Usaha mencapai matlamat Wawasan 2020 bukanlah mudah dan oleh itu generasi muda sekarang ini perlu turut menyumbang dalam merealisasikan wawasan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sumbangan generasi muda bagi tujuan itu adalah penting kerana merekalah yang akan mewarisi negara di masa depan.

"Wawasan 2020 tidak akan berjaya jika hanya satu segmen masyarakat sahaja yang mencapai status maju, ataupun sebahagian daripada negara sahaja yang maju," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian di ucaptamanya bertema "Merealisasikan Wawasan 2020: Di Mana Kita Berada hari ini" di pelancaran siri syarahan Dewan Profesional Muda Malaysia (Promuda) di sini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menggalakkan muda mudi di Malaysia memikirkan mengenai masa depan mereka dan negara.

Dr Mahathir berkata kestabilan negara merupakan yang terbaik di kalangan negara-negara membangun dan ia memungkinkan kita mencapai Wawasan 2020.

Bagaimanapun serangan pada mata wang pada 1997-1998, penurunan nilainya dan pasaran saham yang jatuh merudum, kita tetap berjaya mengatasi semua halangan ini dan balik kembali ke usaha-usaha mencapai wawasan 2000.

"Tetapi kemelesetan ekonomi Amerika dan serangan 11 Sept sekali lagi menjejaskan usaha-usaha kita. Kita masih mempunyai 18 tahun lagi sebelum tahun sasaran itu.

"Bolehkah kita mencapainya? Bolehkan kita mengatasi kelewatan yang berlaku, dan bolehkah kita lindungi diri daripada ketidaktentuan di masa depan?" tanya beliau.

"Kemudian ada pula desakan diwujudkan negara Islam. Sebenarnya Malaysia sudahpun wujud sebagai sebuah negara Islam kerana agama rasminya adalah Islam dan semua ketua negeri adalah beragama Islam dan orang Islam boleh menunaikan kewajipan agama mereka tanpa sebarang halangan," katanya.

Beliau berkata sesebuah negara Islam membenarkan agama-agama lain dan oleh itu perlembagaan Malaysia mempertahankan hak mereka yang bukan Islam untuk mengamalkan agama masing-masing.

Dr Mahathir berkata semua ini telah dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin semua kaum dan agama semasa kemerdekaan dan tiada siapa harus mempersoalkan hak kaum atau agama, bahasa atau budaya Malaysia.

-- BERNAMA

RZS AZZ PR